

16 JUL 1998

Law-Perenjis

PERENJIS AIR LUARAN WAJIB BAGI BANGUNAN TINGGI DI BANDAR

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Kabinet telah mengarahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meminda undang-undang sedia ada bagi memastikan semua bangunan tinggi mempunyai perenjis air luaran, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding hari ini.

Ini kerana pemilik-pemilik bangunan berkenaan kurang memberi kerjasama untuk memasang perenjis yang boleh mengurangkan jerebu jerebu itu secara sukarela, kata beliau.

"DBKL diminta meminda undang-undang itu secepat mungkin supaya semua bangunan tinggi mempunyai perenjis air itu sebelum Sukan Komanwel," katanya kepada pemberita selepas melancarkan "Tabung Penyelidikan Perubatan Dr Ranjeet Bhagwan Singh" di sini.

Penggunaan perenjis air luaran, menerusi kaedah pancutan air dan semburan air secara tertutup itu dicadangkan selepas beberapa kajian oleh kementerian mendapati ia berkesan menjernihkan udara selepas 20 minit disemburkan.

Law berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga telah meminta kementerian itu menjalankan kajian terhadap pembersih udara bergerak keluaran syarikat Jerman dan membandingkannya dengan pembersih udara tempatan.

Pada masa ini, dua jenis pembersih udara statik keluaran tempatan telah dipasang di terminal bas Puduraya dan Petaling Jaya untuk mengurangkan kadar asap dan habuk.

Law berkata, kajian awal terhadap kedua-dua pembersih statik itu, yang dihasilkan bersama oleh Malaysia Electric Corporation Bhd (MEC) dan Sirim Berhad, menunjukkan hasil yang positif dalam mengurangkan pencemaran tertentu terutama habuk yang halus.

Katanya, kos pembersih udara buatan Jerman itu mungkin lebih tinggi tetapi agak canggih kerana ia menggunakan teknologi jet dengan menyedut dan membersihkan udara menerusi jet turbin.

Terdahulu, ketika berucap Law berkata terdapat banyak skop bagi penyelidikan perubatan di negara ini sejak penyakit-penyakit tropika seperti malaria dan denggi terus menjadi masalah di negara-negara tropika seperti Malaysia.

"Akan terus terdapat cabaran-cabaran baru dalam bidang ini kerana selagi kadar penduduk meningkat, kita akan berhadapan dengan perkara-perkara yang menyebabkan penyakit ini," katanya.

Pada majlis itu, Law turut menyampaikan sumbangan tabung Dr Ranjeet itu kepada Pensyarah Sarjana Perubatan Universiti Malaya Dr Hoh Hon Bing dan pelajar Liam Lay Hoong dari universiti yang sama.

Dr Hoh yang sedang menjalankan kajian mengenai penyakit mata menerima RM14,000 manakala Liam yang menjalankan kajian mengenai jenis DNA manusia di Malaysia menerima RM29,000.

Mendiang Dr Ranjeet, bekas Pengarah Institut Penyelidikan Perubatan Malaysia (IMR) mewasiatkan sebahagian asetnya untuk tabung bagi membiayai penyelidikan perubatan dan saintifik.

-- BERNAMA

HJ RHM